

# Pengurusan Risiko dalam Penterjemahan Teks Sastera Kanak-kanak

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 167-173  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 3 January 2024  
Accepted: 13 January 2024  
Published: 12 February 2024

## [*Risk Management in the Translation of Children's Literature*]

Atikah Zabir<sup>1</sup>

1 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang. E-mail: atikahzabir@usm.my

\*Corresponding Author: atikahzabir@usm.my

### Abstrak

Sebagai satu perantaraan dalam komunikasi, aktiviti penterjemahan lazimnya berkait rapat dengan pelbagai pertimbangan antara dua sisi iaitu antara kesetiaan kepada teks sumber dan keperluan bagi teks sasaran. Sehubungan itu, dalam setiap proses menterjemah, penterjemah perlu mempertimbangkan pelbagai aspek untuk membuat keputusan. Setiap keputusan yang dibuat oleh penterjemah mencerminkan cara mereka menangani risiko supaya maklumat atau mesej daripada teks sumber dapat disampaikan secara berkesan kepada pembaca sasaran, dan mengurangkan kemungkinan berlakunya reaksi negatif. Walaupun aspek risiko dalam penterjemahan biasanya dikaitkan dengan teks berkepentingan tinggi seperti teks diplomatik dan teknikal, penterjemahan bagi teks kanak-kanak juga sebenarnya melibatkan pelbagai risiko. Hal ini terutama sekali disebabkan oleh peranan teks kanak-kanak sebagai medium pendidikan dan cerminan norma masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti dan menjelaskan risiko dalam penterjemahan teks sastera kanak-kanak berdasarkan corak pemilihan strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Secara lebih mudah, kajian ini akan meneliti strategi yang menjadi pilihan utama para penterjemah, dan mengkaji faktor-faktor di sebalik pemilihan strategi penterjemahan tersebut. Kaedah induktif ini didasari oleh teori bahawa pengulangan tindakan atau perlakuan dalam penterjemahan merupakan salah bentuk manifestasi norma, manakala pilihan yang jarang berlaku merupakan salah satu indikasi pelanggaran norma. Bagi mencapai objektif kajian, penyelidikan ini akan menumpukan kepada aspek leksikal kreatif, selaras dengan kepentingan aspek leksikal dan kreativiti dalam buku kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan strategi dalam penterjemahan buku kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu mencerminkan beberapa risiko yang perlu ditangani oleh penterjemah, termasuklah aspek sensitiviti masyarakat dan agama, serta fungsi dan kepentingan lexis dalam sesuatu karya. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penterjemah menangani risiko-risiko ini melalui kaedah pemindahan risiko, pengurangan risiko, dan mitigasi risiko.

**Kata kunci:** pengurusan risiko, strategi terjemahan, teks sastera kanak-kanak, lexis kreatif, terjemahan bahasa Melayu

### Abstract

Translation activities are closely linked to various risks, not least of all due to its nature as a mediator in communication. Translators also make a lot of decisions when translating, and this involves consideration of various possibilities and risks. While risk may often be associated with high stake texts such as diplomatic documents and technical texts, the translation of children's books comes with its own set of risks. Some of the risks may seem obvious, while others are more obscure. Therefore, this research aims to explore and explain the risks involved in the translation of children's literature based on the patterns of translation strategies employed by translators. In other words, this research will examine the possible reasons certain strategies are favoured and repeated by

translators. This inductive research method is founded on the theory that repeated behaviours in translation may serve as a manifestation of translation norms and a singular, rare behaviour is a manifestation of norm violation. To achieve this objective, the study will focus on the translation of lexical creativity, given the prominence of both lexis and creativity in children's books. The study found that translation strategies employed in the translation of children's books into Malay reflect several risks that translators must navigate, including local and religious sensitivities as well as the functions and level of importance of the lexis. Translators also manage these risks in various ways including risk transfer, risk reduction, and risk mitigation.

**Keywords:** risk management, translation strategies, children's literature, creative lexis, Malay translation.

**Cite This Article:**

Atikah Zabir. (2024). Pengurusan Risiko dalam Penterjemahan Teks Sastera Kanak-kanak [Risk Management in the Translation of Children's Literature]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 167-173.

## Pengenalan

Selaras dengan peralihan fokus dalam Pengajian Penterjemahan daripada aspek teks kepada konteks sosiobudaya dalam penterjemahan, penyelidikan ilmiah pada masa kini bukan sahaja mengkaji cara penterjemahan dijalankan, tetapi juga mengapa penterjemahan dibuat sedemikian berdasarkan konteks, seperti yang diungkapkan oleh Herman (1999: 5) dalam petikan berikut: “*to explore its context and its conditioning factors, to search for grounds that can explain why there is what there is...*” (Herman, 1999: 5). Antara perkara yang dikaji ialah tabiat dan pilihan penterjemah, serta faktor konteks seperti ideologi, budaya dan sejarah masyarakat, khususnya khalayak sasaran. Antara kerangka teori yang bertujuan untuk mengumpulkan penerangan dan penjelasan yang komprehensif tentang fenomena dalam penterjemahan ialah *Descriptive Translation Studies* (DTS) oleh Toury (1995/2002). Toury mencadangkan bahawa kekerapan pemilihan strategi dan prosedur penterjemahan boleh menjadi petunjuk kepada pelbagai faktor yang mempengaruhi sesuatu proses penterjemahan. Strategi yang menjadi pilihan utama penterjemah lazimnya merupakan strategi yang selari dengan norma serta persekitaran masyarakat, manakala strategi yang jarang digunakan pula merupakan salah satu tanda pelanggaran norma. Hal ini seterusnya mempunyai implikasi berkaitan pengurusan risiko dalam penterjemahan kerana secara umumnya, tindakan dan keputusan yang selari dengan norma masyarakat tidak begitu berisiko, jika dibandingkan dengan strategi yang melanggar norma atau kebiasaan masyarakat (Pym, 2008).

Pengurusan risiko dalam penterjemahan lazimnya dikaitkan dengan penterjemahan profesional yang melibatkan teks seperti dokumen hal ehwal antarabangsa, teks komersial, dan teks keagamaan (Hu & Pym, 2019; Pym & Matsushita, 2018). Hal ini disebabkan oleh kepelbagaian implikasi daripada pilihan dan keputusan penterjemah dalam menangani teks-teks seperti ini, termasuklah kesan terhadap hubungan diplomatik, imej atau reputasi jenama, serta pentafsiran dan amalan keagamaan. Namun begitu, kertas kajian ini bertujuan untuk meneliti satu aspek yang kurang mendapat perhatian dalam perbincangan berkaitan pengurusan risiko dalam penterjemahan iaitu penterjemahan kesusasteraan. Secara lebih khusus, kajian ini akan

menyelidiki risiko dalam penterjemahan teks sastera kanak-kanak, berfokuskan kepada elemen leksis kreatif, iaitu perkataan yang dicipta oleh penulis untuk kegunaan secara khusus dalam karya mereka. Walaupun penterjemahan teks sastera kanak-kanak tidak melibatkan risiko besar seperti dalam teks rasmi atau teks teknikal, masih terdapat pelbagai dimensi yang perlu dipertimbangkan seperti tahap kemampuan dan kemahiran bahasa serta kognitif kanak-kanak, ideologi pendidikan dan kebangsaan, serta norma masyarakat. Penterjemah perlu menangani setiap dimensi ini dengan berhati-hati. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa penterjemahan teks sastera kanak-kanak sentiasa dipengaruhi bukan sahaja oleh tanggapan masyarakat tentang keperluan pembaca kanak-kanak, tetapi juga oleh latar dan situasi penerbitan teks-teks tersebut (Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail, 2007; Md. Sidin Ahmad Ishak, 2007; Atikah Zabir & Haslina Haroon, 2018).

Aktiviti penterjemahan telah memainkan peranan utama dalam perkembangan industri buku kanak-kanak di Malaysia sejak sekian lama, iaitu sejak zaman pra dan pascamerdeka (Atikah Zabir & Haslina Haroon, 2021). Terdapat banyak buku kanak-kanak di Malaysia yang merupakan teks terjemahan. Maka, terdapat keperluan untuk mengenal pasti dan memahami risiko yang terlibat dalam penterjemahan teks sastera kanak-kanak di negara ini bagi memastikan kualiti terjemahan yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan dan aspirasi negara dalam mendidik generasi baharu. Data daripada korpus terjemahan teks sastera kanak-kanak dapat memberikan maklumat tentang bagaimana penterjemah menguruskan risiko dalam penterjemahan, dan seterusnya memanfaatkan penterjemah lain, termasuklah pelatih penterjemah. Seterusnya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang terhadap perkembangan ilmu berkaitan buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu di Malaysia. Sehubungan itu, dalam pembinaan korpus kajian ini, beberapa teks terjemahan sastera kanak-kanak bahasa Melayu serta teks sumbernya dalam bahasa Inggeris telah dipilih. Kajian ini menumpukan kepada elemen leksis kreatif kerana kosa kata merupakan satu elemen penting dalam buku kanak-kanak. Leksis kreatif iaitu perkataan baharu yang dicipta oleh penulis buku kanak-kanak juga mempunyai dimensi yang pelbagai, dan perkara ini menimbulkan cabaran bagi penterjemah. Sifat leksis kreatif yang unik pula membolehkan elemen ini dikenal pasti secara sistematik menggunakan peralatan korpus. Objektif kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu pertama, mengenal pasti kecenderungan strategi dalam menterjemahkan leksis kreatif daripada teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, dan kedua, menganalisis hubungan antara kecenderungan strategi terjemahan dengan bentuk risiko yang terlibat dalam menterjemahkan buku kanak-kanak.

## ***Teori Laws of Translation***

Semua aktiviti penterjemahan melibatkan pemindahan maklumat daripada teks sumber ke dalam teks sasaran. Sehubungan itu, Toury (1995/2002) menyatakan bahawa semua terjemahan terhasil daripada usaha penterjemah dalam mengimbangkan unsur kebolehterimaan dan kepadaan. Unsur kebolehterimaan merujuk kepada cerminan peraturan, norma, dan budaya sasaran. Unsur kepadaan pula merujuk kepada cerminan dan manifestasi teks dan budaya sumber dalam sesuatu teks terjemahan. Terdapat juga pelbagai lagi konsep dalam bidang Pengajian Terjemahan yang merujuk kepada dua sisi berbeza ini, seperti kaedah penterjemahan

berorientasikan sumber dan sasaran (*foreignisation vs domestication*), penterjemahan bebas dan literal, serta penterjemahan formal dan dinamik. Tambahan lagi banyak konsep dalam bidang penterjemahan seperti etika, ideologi, naungan, kuasa dan kehilangan dalam penterjemahan juga mencerminkan kerumitan, masalah, dan cabaran dalam bidang ini. Menurut Sofiane (2020), wacana tentang dikotomi dan cabaran dalam penterjemahan merupakan satu manifestasi bagi risiko yang dihadapi oleh penterjemah. Hal ini demikian kerana proses pemindahan maklumat daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain merupakan satu proses yang kompleks.

Walaupun aspek dikotomi merupakan satu aspek yang penting dalam bidang Pengajian Terjemahan, pendekatan kajian terkini bukan lagi bersifat preskriptif. Kajian terkini tidak lagi menumpukan kepada usaha menetapkan cara yang terbaik untuk menterjemah. Sebaliknya, fokus kajian lebih tertumpu kepada aspek deskriptif, iaitu usaha untuk memahami fenomena dalam penterjemahan yang rumit dan kompleks (Laviosa, 2002; Olohan, 2004). Selaras dengan perkembangan ini, teori penterjemahan deskriptif (*Descriptive Translation Studies*) menekankan kepada kajian untuk mengenal pasti kepelbagaian tahap manifestasi bagi unsur kepekaan dan kebolehterimaan dalam penterjemahan, serta faktor-faktor konteks yang menyebabkan berlakunya kepelbagaian tahap manifestasi ini. Secara lebih mudah, objektif utama dalam DTS adalah untuk memberi penjelasan bagi mana-mana kecenderungan yang berlaku dalam penterjemahan berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui data teks terjemahan sebenar yang juga dikenali sebagai korpus terjemahan.

Ramai sarjana telah mengemukakan kerangka penyelidikan bagi mengkaji fenomena dalam penterjemahan. Antara kerangka tersebut ialah konsep kesejagatan penterjemahan atau *translation universals* oleh Baker (1993). Beliau mengemukakan konsep kesejagatan penterjemahan untuk mengungkapkan ciri-ciri linguistik teks terjemahan seperti eksplisitasi, simplifikasi, dan normalisasi. Menurut Baker (1993: 243), ciri-ciri linguistik teks terjemahan ini berlaku tanpa mengira pasangan bahasa atau sistem linguistik, sekali gus memfokuskan kepada proses kognitif yang berlaku dalam penterjemahan. Walaupun kepentingan proses kognitif dalam penterjemahan tidak dapat dinafikan, Toury (2012: 67), Mauranen (2008), dan Kenny (2001) memberikan penekanan kepada kepelbagaian faktor kontekstual yang juga perlu diambil kira dalam proses menentukan bagaimana sesuatu penterjemahan dihasilkan. Sehubungan itu, Toury (1995/2012) mengemukakan teori *laws of translation* sebagai kerangka untuk menghuraikan fenomena dalam penterjemahan. Menurut teori *laws of translation*, fenomena dalam penterjemahan seperti trend penerbitan, kecenderungan strategi terjemahan, dan sebagainya, adalah tertakluk kepada faktor-faktor kontekstual. Teori ini juga dikemukakan dalam bentuk dua sisi iaitu *law of standardisation* dan *law of interference*. *Law of standardisation* merujuk kepada fenomena penstandardan dalam penterjemahan yang menyebabkan teks-teks terjemahan menjadi seragam, jika dibandingkan dengan teks asal yang bersifat unik dan pelbagai. Hal ini demikian kerana ciri keunikan dan kelainan dalam teks sumber sukar untuk dihasilkan semula dalam penterjemahan. Sementara itu, teori *law of interference* pula merujuk kepada fenomena pemindahan elemen daripada bahasa sumber yang asing ke dalam wacana bahasa sasaran.

Selaras dengan teori bahawa setiap teks terjemahan terhasil daripada pengimbangan antara elemen kepekaan dan kebolehterimaan, fenomena *law of standardisation* dan *law of interference* juga termanifestasi dalam semua teks terjemahan (Toury, 1995/2012). Bergantung

kepada norma dalam konteks penghasilannya, sesuatu teks terjemahan mungkin mengandung lebih banyak ciri keseragaman berbanding ciri linguistik asing yang berasal daripada bahasa sumber, atau sebaliknya. Namun begitu, kedua-dua kecenderungan ini merupakan cerminan cara penterjemah menangani masalah keraguan dan mengurangkan risiko dalam penterjemahan kerana penterjemah boleh memilih untuk menterjemah menggunakan pilihan yang bersifat standard dan 'selamat', atau menyetengahkan ciri asing daripada bahasa sumber sekaligus mengalihkan kebertanggungjawaban kepada teks sumber dan penulis asal (Pym, 2008).

## Pengurusan Risiko dalam Penterjemahan

Walaupun aspek pengurusan risiko masih agak baharu dalam bidang Pengajian Terjemahan, aspek ini boleh diaplikasikan oleh penterjemah untuk membuat pelbagai keputusan, termasuklah dalam menangani ketidakpastian apabila menterjemah (Pym, 2021: 445). Pym (2015) membahagikan risiko dalam penterjemahan kepada tiga kategori iaitu pertama, risiko kredibiliti, kedua, risiko ketidakpastian, dan ketiga, risiko komunikatif. Risiko kredibiliti merujuk kepada kepentingan aspek kepercayaan antara semua pihak yang terlibat dalam penterjemahan. Dalam kerjaya penterjemah, antara perkara paling utama yang perlu dicapai adalah membina dan mengekalkan kredibiliti. Kehilangan kredibiliti boleh menyebabkan banyak impak negatif kepada penterjemah. Kedua, risiko ketidakpastian, merujuk kepada keraguan yang dihadapi oleh penterjemah dalam menjalankan penterjemahan. Akhir sekali, risiko komunikatif merujuk kepada kemungkinan bahawa terjemahan yang dihasilkan tidak memenuhi fungsi komunikatif yang diperlukan. Pym (2021: 449) turut menggariskan lima strategi bagi menangani risiko dalam penterjemahan iaitu pertama, pengurangan risiko (*risk reduction*), kedua, pemindahan risiko (*risk transfer*), ketiga, pengambilan risiko (*risk taking*), keempat, mitigasi risiko (*risk mitigation*), dan kelima, gabungan keempat-empat strategi tersebut.

Konsep pengurusan risiko merupakan konsep yang biasa dibincangkan dalam bidang perniagaan, kewangan, dan tadbir urus. Sehubungan itu, dalam bidang pengajian terjemahan, aspek pengurusan risiko juga diperkenalkan dalam konteks syarikat perkhidmatan terjemahan dan terjemahan mesin (Canfora & Ottman, 2015; Zaveckaite & Ulbinaite, 2017; Nitzke, Hansen-Schirra & Canfora, 2019). Contohnya, Canfora & Ottman (2015) mengemukakan model pengurusan risiko untuk pengurusan projek terjemahan bagi mencapai standard ISO. Model ini difokuskan kepada teks teknikal kerana terjemahan teks jenis ini perlu mengikut peraturan untuk mengurangkan risiko berkaitan keselamatan dan liabiliti produk. Sementara itu, Matsushita (2015) pula membincangkan aspek pengurusan risiko dalam konteks penterjemahan berita untuk pasangan bahasa Jepun-bahasa Inggeris. Pym dan Matsushita (2018) mencadangkan strategi mitigasi risiko sebagai pendekatan untuk menangani penterjemahan berita. Hu dan Pym (2019) juga menganalisis strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menangani ketaksamaan dalam teks hal ehwal antarabangsa. Walau bagaimanapun, risiko dalam penterjemahan tidak terhad kepada aspek kos kewangan, keselamatan produk, dan hubungan diplomatik. Penterjemahan kesusasteraan juga menuntut penterjemah untuk membuat pelbagai keputusan, sekali gus, mengamalkan strategi pengurusan risiko.

Pada masa ini, hanya terdapat beberapa kajian berkaitan pengurusan risiko dalam penterjemahan kesusasteraan. Salah satu daripadanya ialah kajian oleh Hjort (2017) yang menganalisis pengurusan risiko dalam penterjemahan perkataan yang tabu iaitu bahasa mencarut dalam teks fiksi. Menurutnya, penterjemahan perkataan mencarut melibatkan aspek impak kepada pembaca sasaran. Sehubungan itu, penterjemah perlu mengenal pasti dan menangani beberapa bentuk risiko, termasuklah reaksi pemberi tugas dan pembaca sasaran, selain daripada risiko lazim berkaitan item tabu. Melalui soal selidik terhadap penterjemah kesusasteraan, Hjort (2017) mendapati bahawa pengenalpastian padanan mempunyai hubungan paling rapat dengan aspek risiko ketidakpastian. Kejayaan dalam menterjemahkan perkataan mencarut pula melibatkan risiko komunikatif, iaitu sama ada dengan menggunakan, melembutkan, atau menggugurkan elemen mencarut (Hjort, 2017: 170). Terdapat juga risiko kredibiliti apabila penterjemah bimbang terjemahan elemen tabu ini tidak diterima dengan baik.

Selain daripada Hjort, Sofiane (2020) juga menggunakan pendekatan pengurusan risiko dalam kajian berkaitan penterjemahan kesusasteraan. Beliau mencadangkan pendekatan pengurusan risiko sebagai kaedah untuk mengkaji, menganalisis dan menilai terjemahan. Dalam kajiannya, beliau menggunakan contoh yang diambil daripada novel bahasa Arab oleh penulis Yasmina Khadra yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Kajian tersebut mendapati bahawa penterjemah novel Yasmina Khadra mengaplikasikan beberapa strategi pengurusan risiko yang dikemukakan oleh Project Management Institut (PMI) (2004), termasuklah penghindaran risiko, mitigasi risiko, dan kontigensi risiko. Terdapat beberapa perbezaan yang dapat dilihat antara model pengurusan risiko yang dikemukakan oleh Pym (2021) dan Project Management Institut (2004). Contohnya, Pym (2021) menggunakan istilah pengurangan risiko (*risk reduction*), yang memberi indikasi bahawa risiko tidak dapat dielak, tetapi PMI menggunakan istilah penghindaran risiko (*risk avoidance*). Pada masa yang sama, PMI turut menyenaraikan strategi penerimaan risiko (*risk acceptance*), yang bersifat lebih pasif berbanding strategi pengambilan risiko untuk mendapatkan ganjaran yang dikemukakan oleh Pym (2021).

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan model penyelidikan leksis kreatif berasaskan korpus yang dikemukakan oleh Kenny (2001) serta teori penterjemahan deskriptif (DTS) yang menyarankan supaya pengkaji menggunakan data daripada analisis teks terjemahan untuk memahami dan memberi penjelasan bagi proses dan konteks dalam penterjemahan. Berdasarkan model penyelidikan oleh Kenny (2001), kajian ini mengenal pasti item leksis kreatif melalui dua peringkat iaitu pertama, kaedah kuantitatif menggunakan peralatan korpus untuk mengenal pasti item terlibat berdasarkan andaian bahawa item kreatif tidak mempunyai kekerapan yang tinggi dalam korpus, dan kedua, kaedah kualitatif yang melibatkan penelitian item yang didapati mempunyai tahap kekerapan yang rendah seperti *hapax legomena* (item yang muncul sekali sahaja dalam korpus kajian) oleh pengkaji bagi mengenal pasti item yang bersifat menarik dan unik. Item leksis kreatif yang telah dikenal pasti kemudiannya dikelaskan berdasarkan pembentukan perkataan tersebut iaitu kata majmuk, kata lakur (*blends*), penerbitan kreatif, ortografi kreatif, dan akronim.

Seterusnya, analisis terjemahan dibuat untuk mengenal pasti dan menjumlahkan item yang dinormalisasikan, iaitu digantikan dengan perkataan bukan kreatif, atau dipindahkan ke dalam teks sasaran dalam bentuk pinjaman perkataan. Analisis ini dibuat berdasarkan teori bahawa normalisasi dalam penterjemahan merupakan satu bentuk manifestasi teori *law of standardisation*, manakala peminjaman merupakan satu bentuk manifestasi teori *law of interference*. Berdasarkan teori oleh Pym (2008), normalisasi akan dikelaskan sebagai satu bentuk pengurangan risiko di mana penterjemah menggantikan perkataan kreatif dengan perkataan sedia ada dalam kosa kata bahasa sasaran sebagai satu pilihan selamat, manakala peminjaman pula merupakan indikasi strategi pemindahan risiko, di mana penterjemah mengalihkan beban risiko kepada teks sumber. Akhir sekali, kajian ini akan meneliti kecenderungan penterjemahan bagi mengenal pasti faktor-faktor kontekstual yang memainkan peranan dalam menentukan pemilihan strategi dalam penterjemahan.

Korpus kajian ini terdiri daripada tiga siri teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu iaitu siri Geronimo Stilton, siri Harry Potter dan siri cerita pendek Enid Blyton. Judul ketiga-tiga siri ini dipaparkan dalam Jadual 1 berikut. Jadual 2 pula memaparkan perincian terjemahan mengikut penterjemah, genre dan penerbit.

Jadual 1. Judul teks dalam korpus kajian

Bil.	Teks sumber	Teks sasaran
<b>Siri Geronimo Stilton</b>		
1.	<i>Geronimo Stilton: Paws off, Cheddarface! (2004)</i>	Geronimo Stilton: Itu Geronimo Palsu! (2012)
2.	<i>Geronimo Stilton: Four Mice Deep in the Jungle (2004)</i>	Geronimo Stilton: Masuk Hutan? Takutlah! (2012)
3.	<i>Geronimo Stilton: The Curse of the Cheese Pyramid (2004)</i>	Geronimo Stilton: Sumpahan Piramid Keju (2012)
4.	<i>Geronimo Stilton: Lost Treasure of the Emerald Eye (2004)</i>	Geronimo Stilton: Mata Zamrud Harta Karun yang Hilang
<b>Siri Harry Potter</b>		
1.	<i>Harry Potter and the Philosopher's Stone (1997)</i>	Harry Potter dengan Batu Hikmat (2002)
2.	<i>Harry Potter and the Chamber of Secrets (1998)</i>	Harry Potter dan Bilik Rahsia (2002)
3.	<i>Harry Potter and the Prisoner of Azkaban (1999)</i>	Harry Potter dengan Banduan Azkaban (2004)
4.	<i>Harry Potter and the Goblet of Fire (2000)</i>	Harry Potter dalam Piala Api (2005)
5.	<i>Harry Potter and the Order of the Phoenix (2003)</i>	Harry Potter dalam Kumpulan Phoenix (2005)
6.	<i>Harry Potter and the Half Blood</i>	Harry Potter dengan Putera Berdarah

	<i>Prince</i> (2005)	Kacukan (2006)
7.	<i>Harry Potter and the Deathly Hallows</i> (2007)	Harry Potter dengan Azimat Maut
	<b>Siri cerita pendek Enid Blyton</b>	
8.	<i>Big-Eyes the Enchanter and Other Stories</i> (1985)	Kojek Si Katak Lompat dan Cerita-Cerita Lain (2012)
9.	<i>Twelve Silver Cups and Other Stories</i> (1985)	Arnab yang Baik Hati dan Cerita-Cerita Lain (2012)
10.	<i>The Banana Robber and Other Stories</i> (1985)	Anak Tikus yang Sesat dan Cerita-Cerita Lain (2012)
11.	<i>Snicker the Brownie and Other Stories</i> (1985)	Si Penipu dan Naga dan Cerita-Cerita Lain (2012)
12.	<i>A Hole in Her Pocket and Other Stories</i> (1985)	Burung yang Aneh dan Cerita-Cerita Lain (2011)
13.	<i>The Greedy Rabbit and Other Stories</i> (1985)	Si Pendek yang Lucu dan Cerita-Cerita Lain (2011)
14.	<i>The Magic Brush and Other Stories</i> (1985)	Alisa dan Bayang-Bayangnnya dan Cerita-Cerita Lain (2011)
15.	<i>The Teddy Bear's Tail dan Other Stories</i> (1985)	Arnab yang Biadab dan Cerita-Cerita Lain (2012)
16.	<i>The Little Brown Bear and Other Stories</i> (1985)	Bulu Ayam Ajaib dan Cerita-Cerita Lain (2011)
17.	<i>The Goblin Hat and Other Stories</i> (1985)	Topi Jin dan Cerita-Cerita Lain (2011)

Jadual 2. Perincian teks terjemahan mengikut penterjemah, genre dan penerbit

Bil.	Penterjemah	Judul terjemahan	Genre	Penerbit
1.	Rawaida Kamaruddin	Siri Geronimo Stilton	Fantasi moden	PTS One Sdn. Bhd.
2.	Tidak dinyatakan	Siri Harry Potter	Fantasi moden	Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
3.	Suhaila binti Lokman	Koleksi cerita pendek Enid Blyton	Cerita rakyat, cerita binatang & cerita pedoman	Edukid Publication Sdn. Bhd.
4.	Rose Azman Yusuf	Koleksi cerita pendek Enid Blyton	Cerita rakyat, cerita binatang & cerita pedoman	Edukid Publication Sdn. Bhd.



## Analisis Data


83 item lexis kreatif dikenal pasti dalam siri Geronimo Stilton, yang mewakili 0.27% daripada jumlah keseluruhan perkataan dalam korpus siri ini. Dalam siri Harry Potter pula, 92 item dikenal pasti yang membentuk 0.008% daripada keseluruhan jumlah perkataan. Akhir sekali, hanya lima item dikenal pasti dalam siri cerita pendek Enid Blyton, yang membentuk 0.003% daripada jumlah perkataan dalam korpus siri ini. Dari aspek kepelbagaian pula, siri Harry Potter mempunyai kepelbagaian lexis kreatif yang tertinggi kerana siri ini mengandungi lima bentuk lexis kreatif, siri Geronimo Stilton mengandungi empat kategori, dan siri cerita pendek Enid Blyton hanya mengandungi satu jenis lexis kreatif. Jumlah dan kepelbagaian lexis kreatif yang lebih tinggi dalam siri Geronimo Stilton dan Harry Potter menunjukkan bahawa elemen lexis kreatif memainkan fungsi komunikatif yang lebih penting dalam pembinaan dunia (*world building*) bagi teks genre fantasi berbanding genre bukan fantasi seperti cerita pendek Enid Blyton.

Jadual 3 berikut menunjukkan tahap normalisasi serta peminjaman dalam ketiga-tiga siri ini. Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2, kajian ini juga mendapati bahawa selain daripada normalisasi dan peminjaman, penterjemah juga menggantikan item lexis kreatif menggunakan padanan kreatif yang dicipta oleh mereka sendiri. Siri Geronimo Stilton menunjukkan tahap normalisasi sebanyak 43.4%, iaitu lebih tinggi berbanding tahap peminjaman sebanyak 30.1%. Sementara itu, siri Harry Potter pula menunjukkan tahap peminjaman sebanyak 72.8%, iaitu jumlah yang jauh lebih banyak berbanding normalisasi (16.3%). Akhir sekali, hampir semua lexis kreatif dalam siri Enid Blyton dinormalisasikan dan tiada lexis kreatif dalam siri ini yang dipindahkan dalam bentuk peminjaman. Seperti yang dicadangkan oleh Toury (1995/2012), dapatan ini menunjukkan manifestasi teori *law of standardisation* dan *law of interference* yang berbeza.

Jadual 2. Peratus peminjaman, normalisasi dan pembentukan semula lexis kreatif

	Peminjaman (%)	Pembentukan kreatif (%)	Normalisasi (%)	Total (%)
Geronimo Stilton	30.1	26.5	43.4	100
Harry Potter	72.8	10.9	16.3	100
Enid Blyton's	0.0	16.7	83.3	100

Dapatan ini juga boleh disusun mengikut satu spektrum bagi memaparkan perbezaan tahap manifestasi *law of standardisation* dan *law of interference*, seperti dalam Rajah 1 berikut. Terjemahan siri Harry Potter dan Enid Blyton menduduki hujung spektrum yang berlawanan antara satu sama lain, manakala terjemahan siri Geronimo Stilton pula mempunyai kedudukan yang lebih seimbang.



Rajah 1. Susunan teks terjemahan mengikut spektrum *Laws of Translation*

### Siri Cerita Pendek *Enid Blyton*

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4, semua lexis kreatif yang dikenal pasti dalam cerita pendek Enid Blyton tergolong dalam satu kategori sahaja iaitu kata majmuk dalam bentuk kata nama khas bagi nama watak yang memaparkan maklumat tentang watak-watak tersebut. Walau bagaimanapun, empat daripada lima item tersebut telah digantikan dengan nama Melayu yang tidak menyampaikan makna atau bentuk yang serupa. Item kelima pula iaitu *Dame Snippet* telah digugurkan dalam penterjemahan kerana nama ini melibatkan konsep yang tiada dalam bahasa sasaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa penterjemah siri Enid Blyton telah mengambil pendekatan mengurangkan risiko dengan menggantikan bentuk kreatif dengan bentuk nama lazim yang dikenali oleh pembaca sasaran, dan tidak timbul risiko pembaca sasaran berasa janggal atau tidak memahami maksud yang disampaikan melalui nama-nama tersebut.

Jadual 4. Normalisasi lexis kreatif dalam cerita pendek Enid Blyton

Bil.	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	<i>Mother Quickfeet</i>	<i>Mak Joyah</i>
2	<i>Littlefeet</i>	<i>Ros</i>
3	<i>Witch Sharpeye</i>	<i>Dukun Minah</i>
4	<i>Silvertoes</i>	<i>Fika</i>
5	<i>Dame Snippet</i>	-

## Siri Geronimo Stilton

Kata majmuk membentuk kategori terbesar bagi lexis kreatif yang dikenal pasti dalam siri Geronimo Stilton, dan kebanyakannya dicipta sebagai nama watak. Jadual 5 menunjukkan senarai nama dalam bentuk kata majmuk kreatif dalam siri ini dan padanan terjemahannya. Banyak watak dalam cerita ini diberi nama keluarga dalam bentuk ciptaan kreatif yang mencerminkan sifat fizikal atau keperibadian mereka. Elemen aliterasi juga merupakan satu ciri utama dalam pembentukan kata majmuk kreatif ini. Kajian ini mendapati bahawa nama-nama watak dalam cerita ini dikekalkan sebagai nama barat, termasuklah nama-nama yang dinormalisasikan.

Jadual 5. Nama watak dalam bentuk kata majmuk kreatif (Geronimo Stilton)

Bil.	Normalisasi	Peminjaman
1.	<i>Granny Onewhisker</i> <i>Nenek Misai</i>	<i>Great Grandma Tanglefur</i> <i>Moyang TangleFur</i>
2.	<i>Sydney Starfur</i> <i>Sydney Si Artis</i>	<i>Penelope Poisonfur</i>
3.	<i>Stuart Swingtail</i> <i>Stuart Si Ekor Terbang</i>	<i>Burt Burlyrat</i>
4.	<i>Edward S. Smugrat III</i> <i>Edward Si Bongkak</i>	<i>Sandy Silverfur</i>
5.	<i>Samuel Stuffymouse</i> <i>Samuel Si Kolot</i>	<i>Larry Labpaw</i>

Analisis mendapati tiada perbezaan struktur antara nama majmuk yang dinormalisasikan dan dipinjamkan ke dalam teks sasaran. Sehubungan itu, analisis konteks dibuat untuk mengenal pasti faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi pemilihan strategi penterjemahan, dan kajian ini mendapati bahawa nama-nama yang dinormalisasikan merupakan nama bagi watak yang penting serta nama mereka mempunyai implikasi terhadap konteks penceritaan. Sehubungan itu, penterjemah menormalisasikan nama mereka supaya makna di sebalik nama tersebut dapat disampaikan dan sekali gus mengurangkan risiko pembaca tidak faham maksud dan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis asal seperti dalam contoh berikut yang dipetik daripada judul *Paws off, Cheddarface!*

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<i>It read, "Sydney Starfur, professional actor. Singing, dancing, voices, and more!"</i>	<i>Tertulis di situ, "Sydney Si Artis. Pelakon profesional. Menyanyi, menari, melatih vokal, dan lain-lain lagi.</i>
<i>Petikan daripada Paws off, Cheddarface!</i>	<i>Petikan daripada Itu Geronimo Palsu!</i>

Nama-nama yang dipindahkan ke dalam teks sasaran dalam bentuk peminjaman pula kebanyakannya hanya disebut sepintas lalu. Novel berjudul *Paws off, Cheddarface!* Mengisahkan tentang kes kecurian identiti yang dialami oleh watak utama, iaitu Geronimo Stilton. Watak *Sydney Starfur* dalam cerita ini merupakan watak yang mencuri identiti Geronimo Stilton, dan ini bermakna watak *Sydney Starfur* merupakan watak penting dalam cerita ini. Sementara itu, watak bernama *Larry Labpaw* dalam contoh seterusnya Cuma disebut sekali sebagai pencipta keju sapuan. Seperti yang dapat dilihat dalam petikan berikut, nama *Larry Labpaw* dipindahkan dalam bentuk peminjaman.

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<i>They cheered and clapped as if he were the greatest thing since <b>Larry Labpaw</b> invented spreadable cheddar!</i>	<i>Mereka bertepuk tangan dan bersorak seperti dia adalah tikus terhebat sejak <b>Larry Labpaw</b> mencipta keju cheddar yang dapat disapu!</i>
Petikan daripada <i>Paws off, Cheddarface!</i>	Petikan daripada <i>Itu Geronimo Palsu!</i>

Walaupun normalisasi menyebabkan elemen kreatif seperti aliterasi hilang dalam penterjemahan, penterjemah membuat keputusan bahawa penyampaian makna adalah lebih penting bagi beberapa nama. Pendekatan ini merupakan satu bentuk mitigasi risiko, di mana penterjemah mengambil risiko kehilangan unsur kreativiti fonetik bagi mengelakkan risiko yang lebih besar iaitu kehilangan makna atau kekeliruan dalam kalangan pembaca sasaran yang merupakan kanak-kanak kecil. Pendekatan mitigasi risiko juga digunakan untuk menterjemahkan kata majmuk kreatif selain daripada nama watak seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6. Normalisasi kata majmuk selain nama watak dalam siri Geronimo Stilton

No.	Teks Sumber	Teks Terjemahan
1	<i>Holeycheese!</i>	<i>Terbaik!; Oh keju!</i>
2	<i>Cheddarface</i>	<i>Geronimo Palsu; Keju Jadian</i>
3	<i>squeakerphone</i>	<i>Pembesar suara di telefon</i>

Sama seperti kata majmuk, kata lakur juga dihasilkan melalui gabungan beberapa perkataan. Namun begitu, pembentukan kata lakur juga melibatkan pemotongan atau pemendekan kata-kata asalnya. Secara umumnya, kata lakur bersifat lebih kreatif berbanding kata majmuk kerana pembentukan kata lakur tidak bersifat produktif atau mengikut peraturan tataahasa (Ladányi, 2000; Ronneberger-Sibold, 2008; Baldi & Dawar, 2000). Sebanyak 26 item kata lakur telah dikenal pasti dalam siri Geronimo Stilton, yang menjadikannya kategori kedua tertinggi selepas kata majmuk. Kata lakur juga sering digunakan sebagai nama watak dalam siri ini. Analisis kajian ini mendapati bahawa tiada nama dalam kata lakur daripada siri Geronimo Stilton yang dinormalisasikan dalam penterjemahan ke dalam bahasa Melayu, kecuali contoh berikut:

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<i>But I'm no <b>Mel Gibsqueak</b>, the famouse movie mouse.</i>	<i>Walaupun saya tidak hodoh, tetapi saya bukan <b>tikus popular</b>.</i>
Petikan daripada <i>Paws off, Cheddarface!</i>	Petikan daripada <i>Itu Geronimo Palsu!</i>

Nama *Mel Gibsqueak* dibentuk melalui gabungan nama pelakon dari Hollywood iaitu Mel Gibson dengan perkataan *squeak* iaitu bunyi mendecit. Penterjemah memilih untuk menggantikan bentuk kreatif ini kepada bentuk biasa iaitu tikus popular, sekali gus menyampaikan makna secara langsung dan mengurangkan risiko berlaku kekeliruan dalam kalangan pembaca sasaran. Namun begitu, dalam contoh-contoh berikutnya, kata lakur ini dihasilkan semula dalam bentuk kreatif baharu, yang merupakan satu bentuk pengambilan risiko kerana penterjemah perlu bergantung kepada ciri-ciri nama tokoh yang boleh dikenali oleh pembaca sasaran bagi memahami maksud yang ingin disampaikan. Pada masa yang sama, melalui pengambilan risiko seperti ini, penterjemah menghasilkan bentuk baharu yang dapat menyampaikan makna melalui cara yang menarik bagi pembaca sasaran yang dapat mengenali nama-nama tersebut.

Jadual 7. Pembentukan semula kata lakur dalam Geronimo Stilton

Bil.	Teks Sumber	Teks Terjemahan
1.	<i>Agatha Ratsie</i>	<i>Agatha Tikutsie</i>
2.	<i>Franz Ratka</i>	<i>Franz Titka</i>
3.	<i>Harry Ratini</i>	<i>Harry Tikusini</i>
4.	<i>Mario Mousetti</i>	<i>Usainikus Bolt</i>

Kata lakur juga dihasilkan sebagai nama jenama dan tempat, seperti dalam Jadual 8 berikut. Nama *Ratel*, contohnya, merupakan mainan kata daripada perkataan *rat* dan jenama mewah, Chanel. Analisis kajian ini mendapati bahawa kebanyakan nama jenama dan tempat juga dicipta semula dalam bentuk kreatif baharu. Malah, ada pembentukan baharu yang dibuat menggunakan elemen tempatan seperti nama syarikat penerbangan *MOUSAIR* yang digantikan dengan nama 'Air Tikusia'. Pembentukan seperti ini merupakan satu bentuk pengambilan risiko atau *risk-taking* kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini, penterjemah bergantung kepada ciri-ciri pada kata nama khas dalam dunia sebenar untuk menyampaikan makna kepada pembaca sasaran. Namun begitu, pengambilan risiko seperti ini akan menghasilkan kesan yang menarik buat pembaca sasaran jika mereka berjaya memahami bentuk kreatif ini.

Jadual 8. Pembentukan semula nama jenama dan tempat dalam siri Geronimo Stilton

Bil.	Teks Sumber	Teks Terjemahan
1.	<i>Ratel</i>	<i>Kusnel</i>
2.	<i>San Mouscisco</i>	<i>Parisu</i>
3.	<i>MOUSAIR</i>	<i>Air Tikusia</i>
4.	<i>Mousehamas</i>	<i>Balikus</i>
5.	<i>Ratcatraz Prison</i>	<i>Penjara Pudutikus</i>

Walaupun nama jenama dan tempat dalam siri Geronimo Stilton dihasilkan semula dalam bentuk kreatif baharu, kajian ini mendapati bahawa nama perayaan keagamaan seperti *Saint Patrat's Day* and *Christmouse* dinormalisasikan dalam penterjemahan ke dalam bahasa Melayu menjadi sambutan bukan keagamaan iaitu 'Hari Bumi' dan 'hari lahir', seperti yang dipaparkan dalam Jadual 9. Pemilihan ini menunjukkan bagaimana penterjemah mengurangkan risiko berlakunya reaksi negatif melibatkan sensitiviti agama.

Jadual 9. Normalisasi nama perayaan dalam siri Geronimo Stilton

Bil.	Teks Sumber	Teks Terjemahan
1.	<i>Saint Patrat's Day</i>	<i>Hari Bumi</i>
2.	<i>Christmouse</i>	<i>hari lahir</i>

### Siri *Harry Potter*

Jumlah kata majmuk kreatif dalam siri Harry Potter lebih rendah berbanding siri Geronimo Stilton, tetapi perbezaan antara kata majmuk kreatif yang dinormalisasikan dan dipinjamkan ke dalam teks sasaran adalah lebih jelas. Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 10, item kata majmuk kreatif yang dinormalisasikan merupakan item yang digunakan dalam bentuk kata nama am, manakala item yang dipindahkan ke dalam teks sasaran melalui prosedur peminjaman pula merupakan item kata nama khas.

Sebagai contoh, kata majmuk kreatif *spokesgoblin* dan *spokeswizard* berasal daripada kata nama am dalam kosa kata bahasa Inggeris iaitu '*spokesperson*' yang mempunyai padanan secara langsung dalam bahasa Melayu, iaitu 'jurucakap'. Analisis penterjemahan mendapati bahawa perkataan *spokesgoblin* dan *spokeswizard* telah dinormalisasikan dalam penterjemahan ke dalam bahasa Melayu. Sementara itu, kata majmuk kreatif dalam bentuk kata nama khas seperti *Crookshanks*, *Buckbeak*, dan *Shrivelfig* dipindahkan ke dalam teks sasaran dalam bentuk peminjaman. *Crookshanks* dan *Buckbeak* merupakan nama bagi dua watak binatang yang agak penting dalam siri novel ini, manakala *Shrivelfig* pula merupakan sejenis tumbuhan yang mempunyai khasiat khusus dan digunakan dalam pembuatan posyen.

Hal ini menunjukkan bahawa penterjemah menggunakan makna sedia ada bagi menterjemahkan kata nama am *spokesgoblin* dan *spokeswizard*, sekali gus mengorbankan ciri kreativiti iaitu mainan kata demi menyampaikan makna dengan lebih jelas dan lancar. Bagi kata nama khas pula, penterjemah mengambil pendekatan pemindahan risiko dengan mengalihkan beban penyampaian makna kepada teks sumber itu sendiri. Pendekatan ini juga boleh dilihat

sebagai satu bentuk penghindaran risiko kerana sebagai satu karya yang terkenal pada peringkat global, penterjemahan siri Harry Potter adalah tertakluk kepada ketetapan berkaitan hak cipta yang tidak membenarkan penggantian nama-nama penting dalam siri ini.

Jadual 10. Normalisasi dan Peminjaman Kata Majmuk Kreatif dalam siri Harry Potter

Bil.	Normalisasi	Peminjaman
1	spokesgoblin <i>jurucakap goblin</i>	<i>Crookshanks</i>
2.	spokeswizard <i>ahli sihir jurucakap</i>	<i>Buckbeak</i>
3.	mediwizard <i>ahli sihir perubatan</i>	<i>Shrivelfig</i>

Analisis kajian ini juga mendapati bahawa kaedah peminjaman juga digunakan untuk menterjemahkan kata lakur, penerbitan kreatif, dan ortografi kreatif dalam siri Harry Potter ke dalam bahasa Melayu. Jika dibandingkan dengan pembentukan kreativiti dalam siri Geronimo Stilton yang banyak merujuk kepada elemen bahasa Inggeris moden dan budaya popular kontemporari, kata lakur dalam siri Harry Potter lebih sukar untuk dikenali, difahami dan dihasilkan semula kerana komponen pembentukannya merujuk kepada aspek budaya dan bahasa Inggeris lama, serta mainan kata berdasarkan ciri fonetik bahasa Inggeris. Sehubungan itu, peminjaman merupakan satu kaedah pemindahan risiko dan beban penyampaian makna kepada teks dan bahasa sasaran.

Jadual 11. Peminjaman dalam siri Harry Potter

Bil.	Teks Sumber	Teks Terjemahan
1.	<i>Plangentines</i>	<i>Plangentin</i>
2.	<i>Animagus</i>	<i>Animagus</i>
3.	<i>Animagi</i>	<i>Animagi</i>
4.	<i>Scrofungulus</i>	<i>Skrofungus</i>
5.	<i>Wizengamot</i>	<i>Wizengamot</i>
6.	<i>Mollywobbles</i>	<i>Mollywobbles</i>
7.	<i>Acromantula</i>	<i>Acromantula</i>
8.	<i>Petrificus Totalus</i>	<i>Petrificus Totalus</i>
9.	<i>Wingardium Leviosa</i>	<i>Wingardium Leviosa</i>
10.	<i>Expecto Patronum</i>	<i>Expecto Patronum</i>
11.	<i>Expelliarmus</i>	<i>Expelliarmus</i>
12.	<i>Homorphus Charm</i>	<i>Mantera Homorfus</i>
13.	<i>Kwikspell</i>	<i>Kwikspell</i>
14.	<i>Peskipiksi Pesternomi</i>	<i>Peskipiksi Pesternomi</i>
15.	<i>Pensieve</i>	<i>Pensieve</i>
16.	<i>Knockturn Alley</i>	<i>Knockturn Alley</i>

---

17.	<i>Diagon Alley</i>	<i>Diagon Alley</i>
18.	<i>Grimmauld Place</i>	<i>Grimmauld Place</i>
19.	<i>Kreacher</i>	<i>Kreacher</i>

---

## Perbincangan

Analisis terjemahan dalam kajian ini telah menunjukkan pelbagai aspek dalam pembentukan lexis kreatif dalam buku kanak-kanak, seperti komponen dan strategi pembentukan kata, tahap kepentingan, serta impak komunikatif dalam penceritaan. Sebagai contoh, siri Geronimo Stilton dan Harry Potter mengandungi lebih banyak lexis kreatif berbanding siri cerita pendek Enid Blyton. Hal ini menunjukkan bahawa elemen lexis kreatif memainkan peranan komunikatif yang lebih penting dalam kedua-dua siri ini berbanding siri Enid Blyton. Sehubungan itu, kesimpulan boleh dibuat bahawa elemen lexis kreatif membentuk risiko komunikatif serta risiko ketidakpastian pada tahap yang berbeza dalam buku kanak-kanak.

Hanya sebilangan kecil lexis kreatif yang dikenal pasti dalam kajian ini diperoleh daripada teks cerita pendek Enid Blyton, dan hampir semua item ini dinormalisasikan dalam penterjemahan. Hal ini bermakna penterjemah memilih normalisasi sebagai jalan selamat untuk mengurangkan elemen asing yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca sasaran, iaitu kanak-kanak pada peringkat awal umur. Sementara itu, lexis kreatif merupakan salah satu ciri penting yang menjadi identiti siri Harry Potter yang tidak boleh dinormalisasikan sewenang-wenangnya. Tambahan lagi, pembentukan lexis kreatif dalam siri Harry Potter melibatkan elemen seperti bahasa Inggeris lama yang juga boleh menimbulkan risiko ketidakpastian (*uncertainty*). Sehubungan itu, penterjemah mengalihkan beban penyampaian makna kepada teks sumber, yang merupakan satu bentuk pemindahan risiko. Akhir sekali, siri Geronimo Stilton mempunyai nisbah lexis kreatif dan jumlah perkataan yang tertinggi. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya fungsi komunikatif lexis kreatif dalam cerita ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan penterjemahan siri Geronimo Stilton lebih bersifat seimbang antara normalisasi, peminjaman dan pembentukan semula kreativiti. Kajian ini mendapati bahawa pembentukan semula lexis kreatif dalam bentuk kreatif baharu merupakan satu bentuk pengambilan risiko kerana penterjemah perlu menyandarkan penerimaan pembaca sasaran kepada kebolehan mereka untuk memahami bentuk kreatif tersebut. Komponen pembentukan lexis kreatif dalam siri Geronimo Stilton juga lebih mudah difahami dan dikenali, sehubungan itu, tahap risiko ketidakpastian makna adalah rendah.

## Kesimpulan

Melalui analisis terjemahan item lexis kreatif daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, kajian ini menunjukkan bahawa tahap manifestasi teori *laws of translation* boleh menjadi petunjuk atau indikasi bagi pendekatan penterjemah dalam menguruskan risiko dalam penterjemahan. Dapatan ini selari dengan takrifan strategi penterjemahan yang dikemukakan oleh Krings (1986) iaitu penyelesaian masalah oleh penterjemah dalam menjalankan kerja-kerja penterjemahan: “*translator’s potentially conscious plans for solving concrete translation problems in the framework of a concrete translation task*”. Secara sedar atau tidak, penterjemah



sentiasa mengamalkan pengurusan risiko dalam menjalankan penterjemahan. Sehubungan itu, adalah amat penting bagi penterjemah untuk menyedari dan memahami hubungan antara pengurusan risiko dan kesannya kepada tindakan dan keputusan mereka.

## Rujukan

- Atikah Zabir & Haslina Haroon. (2021). From 'Ratcatraz Prison' to 'Penjara Pudutikus': Lexical creativity in children's literature and its translation into Malay. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(1), 20-44.
- Atikah Zabir & Haslina Haroon (2020). Trend penterjemahan buku kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu. In Goh Sang Seong (Ed.). *Pengajian Penterjemahan: Isu dan Cabaran* (pp. 236-257). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Atikah Zabir & Haslina Haroon. (2018). Procedures in the translation of proper names in Harry Potter and the Goblet of Fire into Malay. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(2), 108-122.
- Baker, M. (1993). Corpus linguistics and translation studies: implications and applications. Dlm. Mona Baker, Gill Francis & Elena Tognini-Bonelli (Eds.). *Text and Technology: in honour of John Sinclair* (pp. 233-250). Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Baldi, P. & Dawar, C. (2000). Creative processes. Dlm. Geert E. Booij, Christian Lehmann, Joachim Mugdan & Stavros Skopeteas (Eds.). *Morphologie Morphology: An international handbook of inflection and word-formation* (Vol. 1) (pp. 963-972). Berlin & New York: Mouton de Gruyter.
- Canfora, C. & Ottman, A. (2015). Risk Management for Translations. *Trans-kom*, 8(2), 314-346.
- Herman, T. (1999). *Translation in Systems. Descriptive and System-Oriented Approaches Explained*. Manchester: St. Jerome
- Hjort, M. (2017). Affect, risk management and the translation of swearing. *Rask: Internationalt Tidsskrift for Sprog og Kommunikation (RASK: International Journal of Language and Communication)*, 46, 159-180.
- Hu, B. & Pym, A. (2019). Constructive ambiguity and risk management in bilingual foreign affairs texts. The case of "One China". *Asia Pacific Translation and Intercultural Studies*, 6(1), 3-16. DOI: 10.1080/23306343.2019.1605762
- Kenny, D. (2001). *Lexis and Creativity in Translation: A Corpus-based Study*. London & New York: Routledge.
- Krings, H. (1986). "Translation Problems and Translation Strategies of Advanced German Learners of French.". Dlm. Juliane House & Shoshana Blum-Kulka (Eds.). *Interlingual and Intercultural Communication* (pp. 263-275). Tübingen: Gunter Narr.
- Ladányi, M. (2000). Productivity, creativity and analogy in word formation (WF): Derivational innovations in Hungarian poetic language. Dlm. Gábor Alberti & István Kenesei (Eds.). *Approaches to Hungarian: Papers from the Pécs conference*, 7, 73-90. Szeged: JATE Press.
- ([http://ladanyi.web.elte.hu/derivational\\_innovations.pdf](http://ladanyi.web.elte.hu/derivational_innovations.pdf))

- Laviosa, S. (2011). Corpus-based translation studies: where does it come from? Where is it going? Dlm. Alet Kruger, Kim Wallmach & Jeremy Munday. (Eds.) *Corpus-Based Translation Studies: Research and Applications* (pp.13-32). London: Bloomsbury.
- Malmkjaer, K. (1998). Love thy neighbour: will parallel corpora endear linguists to translators? *Meta: Translators' Journal*, 43(4), 534-541. DOI: 10.7202/003545ar
- Mauranen, A. (2008). Universal tendencies in translation. Dlm. Gunilla Anderman & Margaret Rogers (Eds.). *Incorporating Corpora: The Linguist and the Translator* (pp. 32-48). Clevedon: Multilingual Matters.
- Matsushita, K. (2015). *Risk Management in the Decision Making Process of English Japanese News Translation*. Unpublished doctoral dissertation, Rikkyo University.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastra Kanak-Kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Nitzke, J., Hansen-Schirra, S. & Canfora, C. (2019). Risk management and post-editing competence. *The Journal of Specialised Translation*, 31, 239-259.
- Olohan, M. (2004). *Introducing Corpora in Translation Studies*. New York: Routledge.
- Pym, A. (2021). Translation, risk management and cognition. Dlm. Fabio Alves and Arnt Lykke Jakobsen (Eds.). *The Routledge Handbook of Translation and Cognition* (pp. 445-458). London & New York: Routledge
- Pym, A. & Matsushita, K. (2018). Risk mitigation in translator decisions. *Across Languages and Cultures*, 19(1), 1-18, DOI: 10.1556/084.2018.19.1.1
- Pym, A. (2015). Translating as risk management. *Journal of Pragmatics*, 85, 67-80.
- Pym, A. (2008). On Toury's laws of how translators translate. Dlm. Anthony Pym, Miriam Shlesinger & Daniel Simeoni (Eds.). *Beyond Descriptive Translation Studies* (pp. 311-328). Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Ronneberger-Sibold, E. (2008). Word creation: Definition – function – typology. Dlm. Franz Rainer, Wolfgang U. Dressler, Dieter Kastovsky & Hans Christian Luschützky (Eds.), *Variation and change in morphology. Selected papers from the 13<sup>th</sup> international morphology meeting, Vienna, February 2008* (pp. 201–216). Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail. (2007). *The Publishing Phenomenon of Enid Blyton in Malay Language in the 1970s: Socio-cultural context and Strategies Employed*. Tesis ijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan, University of Manchester.
- Sofiane, D. (2020). Risk management as a method of translation criticism. *International Journal of Linguistics and Translation Studies*, 1(1), 64–71, DOI: <https://doi.org/10.36892/ijlts.v1i1.17>
- Toury, G. (1995). *Descriptive Translation Studies and Beyond*. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Toury, G. (2012). *Descriptive Translation Studies and Beyond*. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Zaveckaite, A. & Ulbinaite, A. (2018). Assessment criteria of project risk management in language translation service companies. *Technological and Economic Development of Economy* 24(4),1323-1343 DOI: <https://doi.org/10.3846/20294913.2017.1295287>